

# 'Biar pihak berkuasa siasat'

Sinar Harian - 25/8/2020 m/s: 4

Perdana Menteri ambil serius tindakan individu ingkar perintah kuarantin

Oleh AZIE YAHAYA

SHAH ALAM

Dakwaan mengenai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali yang tidak mematuhi kuarantin selepas pulang dari Turki akan diserahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pihaknya menyerahkan

perkara itu kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya mengikut proses undang-undang.

Tegas Muhyiddin, setiap rakyat tertakluk di bawah undang-undang dan tiada sesiapa pun yang terkecuali.

"Kerajaan mengambil maklum dan memandang serius kes dakwaan pelanggaran perintah kuarantin Mohd Khairuddin selepas beliau pulang dari Turki pada 7 Julai lalu.

"Kerajaan Perikatan Nasional (PN) berpendirian bahawa setiap rakyat Malaysia tertakluk di bawah undang-undang negara dan tidak ada sesiapa pun yang terkecuali.

"Sehubungan itu, saya serahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan bagi menjalankan siasatan yang menyeluruh dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut proses undang-undang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada Sabtu lalu, Mohd Khairuddin memohon maaf kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kuarantin yang ditetapkan Kementerian Kesihatan selepas beberapa hari berdepan kritikan pelbagai lapisan masyarakat.

Mengambil tanggungjawab itu, Mohd Khairuddin turut memulangkan gajinya



MUHYIDDIN

sebagai Menteri, bermula dari Mei hingga bulan ini, untuk disumbangkan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (Tabung Covid-19).

Kata beliau, langkah tersebut adalah tanda memohon maaf dan sebagai bertanggungjawab atas kesilapannya melanggar prosedur operasi standard (SOP) kuarantin wajib bulan lalu, yang menyebabkan beliau dikompaun RM1,000.



Muka depan Sinar Ahad pada 23 Ogos lalu.